



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA
(MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden

DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden

MOHAMMAD UBaidILLAH BIN IMAN

Naib Presiden

DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ MAT
BRIG JEN DATO' ZAINAL BIN ABD
RAHMAN TUDM (B)
SALIZA BT ABDULLAH

Setiausaha Kehormat

DATO' HABIBULLAH BIN DATO' HJ AHMAD

Bendahari Kehormat

FIKHRAN HAMSHI BIN TAN SRI HJ
MOHAMAD FATMI

Penolong Setiausaha

ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Penolong Bendahari

AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN

Ahli-ahli Jawatankuasa

KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
DATO' ROSMARAYU BINTI MOKHTAR
DATUK HJ ZAIDI BIN MOHAMED
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)
IR. SOFIA BINTI JOHARI
DATUK SHANKER RAJ AYANGER
ACP ZAKARIA BIN ADAM (B)

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2022(2)

28 JANUARI 2022

SEMUA AHLI PIKM
(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-2/2022:
PERTANDINGAN MENEMBAK PISTOL 9MM BAGI PENGARAH DAN
PEMEGANG SAHAM SYARIKAT KESELAMATAN (AHLI PIKM)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, PIKM akan mengadakan **Acara Pertandingan Menembak bagi Pengarah-Pengarah dan Pemegang-Pemegang Saham Syarikat Keselamatan** (ahli-ahli PIKM) seperti ketetapan berikut:

TARIKH & HARI	28 Mac 2022 (Isnin)	Latihan
	29 Mac 2022 (Selasa)	Hari Sebenar (Pertandingan Menembak)
TEMPAT	Lapang Sasar Persatuan Menembak Negeri Sembilan, Mantin, Negeri Sembilan	
PENYERTAAN	Terbuka kepada semua Pengarah / Pemegang Saham Syarikat Keselamatan (Ahli PIKM)	
JENIS SENJATA	Pistol 9MM	
BUTIRAN ACARA	"Lampiran A"	


3. Untuk pertandingan yang julung kali diadakan ini, pendaftaran hanya terbuka kepada **100 peserta terawal sahaja**. Bagi kategori individu wanita pula, hanya akan diadakan sekiranya menerima penyertaan sekurang-kurangnya 5 peserta wanita.

4. Sehubungan itu, ahli-ahli PIKM yang berminat diminta mengemukakan Nama Penuh, Nama Syarikat, No. Kad Pengenalan, dan No. Lesen Senjata (seperti tertera dalam Kad Lesen Senjata Api) dalam borang seperti di "**Lampiran B**" untuk tujuan permohonan oleh PIKM kepada PDRM. Borang hendaklah dikemukakan kepada Sekretariat PIKM dengan emel subjek "**Pertandingan Menembak**" ke info@pikm.my **pada atau sebelum 11 Februari 2022 (Jumaat) sebelum jam 3.00 petang.**

Penyertaan ahli-ahli PIKM di dalam Acara Pertandingan Menembak ini amat dialu-alukan. Semoga penganjuran acara sebegini dapat merapatkan hubungan silaturahim antara ahli-ahli PIKM.

Sekian terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, consisting of a vertical line that loops around itself and extends horizontally to the right.

**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN**

RINGKASAN ACARA

TARIKH & HARI	28 Mac 2022 (Isnin)	Latihan
	29 Mac 2022 (Selasa)	Hari Sebenar (Pertandingan Menembak)
TEMPAT	Lapang Sasar Persatuan Menembak Negeri Sembilan, Mantin, Negeri Sembilan	
PENYERTAAN	Terbuka kepada semua Pengarah / Pemegang Saham Syarikat Keselamatan (Ahli PIKM)	
JENIS SENJATA	Pistol 9MM sahaja (senjata & peluru adalah tanggungjawab peserta)	
YURAN PENYERTAAN	Acara Individu : RM50.00 Acara Kumpulan: RM150.00 (Minimum 3 peserta satu kumpulan)	

ATURCARA

TARIKH & HARI	MASA	PERKARA
28 Mac 2022 (Isnin)	0900 - selesai	Sesi Latihan
29 Mac 2022 (Selasa)	0700 - 0800	Sesi pendaftaran & Sarapan
	0800 – 0900	Acara Pool Bull
	0900 – 1200	Acara menembak pistol mengikut detail
	1230 - 1330	Solat Zohor & Makan Tengahari
	1400	Acara Falling Plate (8 Kumpulan Terbaik Sahaja)
	1500	Penyampaian Hadiah

PENJELASAN ACARA

A. POOL BULL

Setiap peserta dibenarkan menembak Pool Bull sebagai pemanas laras namun setiap peluru sendiri yang digunakan dikenakan bayaran RM1.00 sebutir. Kupon RM5.00 (lima butir) dan kupon RM10.00 (10 butir) akan disediakan.

Pemenang Acara Pool Bull adalah penembak yang menembak sasaran yang ditentukan dengan tepat. Pemenang akan membawa pulang 60% dari kutipan wang penyertaan Pool Bull. Selebihnya akan disumbangkan ke Tabung Kebajikan PIKM.

B. ACARA INDIVIDU

Setiap peserta akan menembak 10 butir peluru pada jarak 10 meter, 15 meter, dan 20 meter dalam waktu 6 minit untuk setiap jarak. Markah ketiga-tiga jarak akan dijumlahkan untuk menentukan kedudukan peserta. Hadiah akan diberi kepada juara hingga ke tempat keenam.

C. ACARA KUMPULAN

Pemenang Acara Kumpulan dikira dari jumlah mata setiap peserta dalam kumpulan. Kumpulan dengan jumlah mata tertinggi dinobatkan sebagai pemenang. Hadiah untuk 3 kumpulan terbaik.

D. ACARA FALLING PLATE

Lapan (8) kumpulan terbaik dari Acara Kumpulan akan dipilih untuk pertandingan Falling Plate secara "knock-out".

Sepuluh "Plate" akan disediakan untuk setiap kumpulan. Setiap peserta dari 3 orang dalam kumpulan akan diberi 5 butir peluru. Kumpulan dikehendaki menembak 9 "Plate" + 1 "Stop Plate" dan acara ini akan dilaksanakan secara "best of three". Bagi kumpulan yang berjaya ke peringkat akhir pemenangnya akan ditentukan dari "best of five".

Perhatian:

Keputusan pengadil adalah muktamad.

